

PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

Oleh QASEH AMRA

NABI Muhammad SAW pernah bersabda, "Tuntutlah ilmu sampai negara China". Hal ini membuktikan kepentingan ilmu kepada seseorang manusia dan ilmu perlu ditimba tidak kira sejauh mana ilmu tersebut berada. Ilmu juga dapat membezakan seorang individu daripada seorang individu yang lain. Yang pasti, ilmu dapat memberikan nilai tambah kepada diri seseorang sehingga dapat menggapai kecemerlangan yang diinginkan, sama ada sebagai seorang individu, pelajar, ibu, ayah, anak, pekerja, mahupun rakyat sesebuah negara.

Dalam konteks yang lebih luas, ilmu yang dimiliki oleh sesebuah masyarakat dapat menjadikan sesebuah negara lebih berdaya saing dalam sesuatu bidang yang diceburi, sehingga menjadikan negara tersebut berjaya dan cemerlang. Sebagai contoh, Malaysia pernah mencontohi negara Jepun yang cemerlang dalam bidang perindustrian, sehingga Malaysia mengorak langkah untuk maju ke hadapan dalam bidang tersebut dan memperkenalkan Dasar Pandang ke Timur. Pada ketika itu, banyak pelajar yang dihantar ke Jepun dan Korea untuk menimba ilmu, kemahiran, dan kepakaran yang dimiliki oleh negara tersebut dan seterusnya memanfaatkan ilmu tersebut untuk membangunkan negara.

Bangsa Jepun yang terkenal dengan sikap "gila kerja" amat mementingkan keperluan ilmu dalam hidup mereka. Masyarakat Jepun sedar akan kepentingan pembelajaran sepanjang hayat sehingga mereka sentiasa bertekad untuk

sekurang-kurangnya memiliki kelulusan atau kemahiran tertentu bagi memudahkan mereka menceburi bidang yang mereka minati. Selain itu, mereka percaya bahawa ilmu dan kemahiran yang dimiliki dapat meningkatkan kualiti dan dibawa diri sehingga mereka berpeluang berada dalam pasaran kerja yang diminati.

Konsep pembelajaran sepanjang hayat teretus daripada laporan yang disediakan oleh Paul Lengrand, pegawai yang bertanggungjawab terhadap Biro Pendidikan Dewasa, Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada tahun 1965. Dalam laporan tersebut, beliau menyatakan bahawa pendidikan tidak sepatutnya terhenti pada usia kanak-kanak atau remaja. Pendidikan harus mengiringi kehidupan seseorang itu sepanjang hayat.

Dalam erti kata yang lain, pembelajaran sepanjang hayat perlu dihayati dan dibudayakan dalam kehidupan masyarakat bagi membolehkan semua orang mendapat hak yang sama rata dalam memperoleh pengetahuan atau kemahiran bagi meningkatkan taraf atau potensi diri seseorang. Ilmu atau kemahiran yang diperoleh dapat memberikan peluang kepada seseorang individu itu mengambil bahagian dengan baik dan adil sebagai warganegara sesebuah negara.

Pembelajaran sepanjang hayat merupakan proses untuk mendapatkan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi sama ada secara formal atau tidak


formal. Oleh itu, dalam menghadapi pelbagai cabaran arus pemodenan dan globalisasi, seseorang individu itu perlu sentiasa bersedia untuk menimba pelbagai ilmu, teknologi dan kemahiran baharu bagi meningkatkan potensi dan keupayaan diri. Dengan peningkatan ilmu dan kemahiran yang ada, sekali gus dapat meningkatkan kebolehpasaran diri seseorang individu dalam bidang pekerjaan.

Sementara itu, menyedari akan kepentingan pembudayaan ilmu dalam masyarakat Malaysia, Kerajaan turut menggariskan kepentingan ilmu sepanjang hayat dalam Teras Kedua Misi Nasional yang dimuatkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Kerajaan sedar bahawa rakyat perlu diberi kesedaran tentang kepentingan ilmu dalam hidup setiap warga Malaysia.

Semua rakyat perlu didedahkan kepada hak untuk memperoleh peluang dan ruang yang sama rata dalam mendapatkan kemahiran atau memperoleh pengetahuan bagi menaikkan taraf hidup atau meningkatkan potensi diri. Oleh itu, ruang dan peluang pendidikan haruslah dibuka seluas-luasnya kepada setiap orang.

Selaras dengan hal itu juga, daripada tujuh teras yang digariskan dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Menjelang 2020, pembelajaran sepanjang hayat turut tidak ketinggalan dimuatkan dalam pelan strategik pengajian tinggi bagi mencapai matlamat dan objektif kecemerlangan tinggi negara. Hal ini dilakukan kerana menyedari hakikat betapa pembelajaran sepanjang hayat mampu meningkatkan kecemerlangan modal insan sesebuah negara. Dalam pelan strategik ini, pembelajaran sepanjang hayat digariskan dalam Teras Keenam, iaitu Membudayakan Pembelajaran Sepanjang Hayat.

Untuk berdaya saing pada peringkat global, Malaysia perlu mempunyai modal insan yang berupaya memperbaharu ilmu dan kemahiran untuk menangani tuntutan dan cabaran baru. Oleh itu, teras ini bertujuan untuk membudayakan pembelajaran sepanjang hayat bagi menyokong pembangunan modal insan selaras dengan keperluan ekonomi berasaskan inovasi dan pembangunan masyarakat berbudaya ilmu. Strategi tersebut termasuk meningkatkan promosi, mekanisme dan prasarana, terutamanya melalui kemudahan penggunaan teknologi dan komunikasi bagi memajukan individu dalam pelbagai ilmu dan kemahiran mengikut minat dan kehendak masing-masing. Untuk tujuan itu,



Budaya membaca dalam kalangan sesebuah masyarakat melambangkan ketinggian ilmu bangsanya.

insentif dan sokongan pembiayaan disediakan bagi membolehkan individu menambahkan ilmu, mempertajam kemahiran untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing.

Sementara itu, bagi menyediakan keperluan dan kemudahan untuk rakyat menimba ilmu, pembelajaran sepanjang hayat diperkenalkan dan disediakan dalam pelbagai bentuk, seperti pendidikan jarak jauh, e-pembelajaran, pembelajaran di tempat kerja, pembelajaran sepenuh masa dan sebahagian masa bagi menjadikannya sebagai sebahagian daripada budaya dan cara hidup masyarakat Malaysia.

Pembelajaran sepanjang hayat yang dilaksanakan oleh institusi pengajian tinggi adalah melalui pendekatan pendidikan jarak jauh, pendidikan fleksibel, pengiktirafan pengalaman bekerja dan penawaran kursus jangka pendek bagi peningkatan pengetahuan dan kemahiran diri tanpa batasan usia, masa dan tempat. Antara kumpulan sasaran utama konsep pembelajaran tersebut termasuklah golongan dewasa yang bekerja, suri rumah dan warga emas yang mahu memberikan sumbangan kepada negara, menambah baik potensi diri dan mempelbagaikan kemahiran yang ada.

Pembelajaran sepanjang hayat harus dijadikan budaya dalam hidup masyarakat Malaysia. Peluang yang sedia terbentang perlu direbut dalam usaha untuk meningkatkan potensi diri, tidak kira tua atau muda. Persepsi masyarakat terhadap pendidikan perlu diubah. Pendidikan bukan lagi sekadar "lambang". Semua orang harus terus belajar selagi hayat dikandung badan bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran diri.